

14/08/1998

Malaysia sering jadi bahan cemuhan

Kuda Kepang

SEJAK akhir-akhir ini hubungan antara negara kita dengan Singapura, semakin renggang. Ini tidaklah menghairankan kerana selepas sekian lama berpisah, sikap yang ditunjukkan rakyat dan pemimpinnya semakin angkuh.

Kita pernah dikejutkan dengan kenyataan Menteri Kanannya, Lee Kuan Yew bahawa jika rakyat Singapura malas bekerja, tidak mustahil Singapura terpaksa bersatu semula dengan Malaysia.

Kemudian sekali lagi beliau mengejutkan kita dengan kenyataan bahawa Johor Bahru adalah tempat yang tidak selamat dan terkenal dengan jenayah.

Terakhir sekali apabila Menteri Luarnya memberi amaran jika Malaysia enggan memindahkan Pusat Pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantinnya (KIK) ke Woodlands, Malaysia akan menerima akibat buruk.

Bagi kami yang tinggal di Johor Bahru, sebenarnya penghinaan, cercaan dan cacian dari pemimpin serta rakyat republik itu sudah lali kami dengar sama ada dari mulut mereka mahupun media cetak dan elektronik.

Cubalah tonton siaran warta berita Singapura. Tidak sah kalau satu hari berita mereka tidak menyebut sama ada perkataan Malaysia, Kuala Lumpur ataupun Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Berita mengenai Malaysia seolah-olah wajib disiarkan oleh media mereka. Malangnya berita yang disiarkan itu berbau negatif atau yang mendedahkan keburukan negara kita.

Saya amat bersetuju dengan pendapat Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed Rahmat yang menyatakan media Singapura sedang menanamkan perasaan membenci Malaysia dalam setiap generasi baru republik itu.

Malah pada pendapat saya, perasaan itu sudah, sedang dan akan terus ditanam kepada semua rakyat Singapura termasuklah warga asing yang berada di sana.

Berita mengenai penangguhan projek Bakun, kelewatan kargo di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), bank di Malaysia yang menghadapi masalah, kemalangan ngeri di Malaysia dan kekalahan calon Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil, semuanya semacam mampu menimbulkan rasa seronok rakyat Singapura.

Barangkali mereka tidak sedar berita mengenai Singapura amat jarang tersiar dalam media kita.

Saya rasa bukan kerana kita anti-Singapura, tetapi kerana tiada rakyat Malaysia yang berminat hendak mengetahui apa yang berlaku di sana. Bagi kebanyakan rakyat Malaysia, Singapura tidak lebih hanya sebuah pulau di selatan (an island down under) yang tidak mempunyai sebarang keistimewaan.

Tahukah anda ketika rantau ini mula dilanda kegawatan ekonomi pada pertengahan tahun lepas, setiap kenyataan Dr Mahathir akan disiarkan dan dianggap memburukkan lagi masalah ekonomi?

Lalu saya terfikir, besar benar agaknya pengaruh Perdana Menteri kita sehingga setiap perkataan beliau tuturkan mampu menentukan jatuh bangunnya ekonomi serantau. Malah lawatan beliau ke Cuba juga dianggap salah satu faktor kegawatan ekonomi.

Mereka tidak boleh menyatakan tanpa menjual air kepada Singapura, Kerajaan Malaysia akan jatuh miskin, tetapi mereka jugalah nanti yang akan terpaksa belajar menelan air laut.

Alangkah baiknya jika Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Thailand dapat mengusahakan projek usaha sama menggali terusan di sempadan kedua-dua negara.

Selain berupaya membantu memendekkan perjalanan kapal ke perairan

antarabangsa sehingga 24 jam, ia juga mampu memajukan lagi pelabuhan Pulau Pinang dan Bangkok.

Selain itu, ia juga dapat menghindari pencemaran di laluan Selat Melaka berpunca daripada kejadian tumpahan minyak berikutan pelanggaran atau perbuatan pemilik kapal yang tidak bertanggungjawab.

Akhir sekali, kita juga akan melihat kesan ekonomi yang akan menimpa negara tetangga kita yang terlalu sombong dan angkuh itu.